

# Kami seperti dinafikan kemudahan air - Peniaga Arked Perniagaan Pekan Awah

Mohd Zalani Md Atan  
Februari 15, 2022 16:28 MYT



*Masalah bekalan air yang tidak berkesudahan itu membantutkan segala usaha ekonomi penduduk dan mereka seakan tiada tempat hendak mengadu. - Foto Astro AWANI*

**MARAN:** Hampir 200 orang penduduk serta peniaga di Arked Perniagaan Pekan Awah, Maran merayu agar masalah bekalan air yang tidak berkesudahan segera diselesaikan.

Mereka mendakwa masalah berkenaan telah berlarutan sejak 20 tahun lalu sehingga menyebabkan ada peniaga yang terus menutup perniagaan mereka.

Paling menyedihkan, walaupun air sekejap ada sekejap tiada, mereka tetap juga perlu membayar bil setiap bulan sebanyak RM20.

Azmil Zakuan Ishak, salah seorang peniaga di situ sejak 2006 mendakwa mereka terpaksa membawa air sendiri yang diangkut dari rumah untuk kegunaan harian di premis perniagaannya.

"Air ada ke tak ada RM20 memang kena bayar. Jadi apa guna bayar RM20 kalau air yang macam ini, ini macam suatu penganiayaan untuk peniaga peniaga kat sini," katanya.

---

Bagi pasangan warga emas orang kurang upaya (OKU), Zakaria Talib, dan isterinya, Norihan Ismail, mereka sangat berharap luahan mereka mendapat perhatian pihak-pihak berkenaan.

Mereka yang mengusaha kedai membaiki barang elektrik sejak September 1994 berkata sehingga sekarang, masalah bekalan air tidak pernah selesai.

"Mula pindah sini tahun 1994 bulan September, memang datang sini tak ada air, air paip begitulah kadang ada kadang tak ada. Kadang-kadang tak tahu nak cakap. Memang saya rasa tak ada tenaga dah nak angkat air daripada luar tu ke dapur, atas rumah memang saya tak angkat dah tak daya saya tak ada tenaga," luahnya.

Keluhan sama juga disuarakan oleh Siti Huzaimah Md Omar yang mengusaha kedai makan.

Siti Huzaimah berkata dia seperti telah penat dan penduduk serta peniaga di kawasan itu juga penat membuat aduan kepada pihak berkaitan namun tidak ada sebarang tindakan susulan diambil.

"Air sekejap ada sekejap tak ada bila ada kita buka, lama-lama kita jadi masalah dan kita pun jadi malas sebabnya masalah air ni terlampau berlarutan dari dulu sampai sekarang sedangkan kita ada loji yang besar kat situ, macam tak berfungsi langsung," katanya.

Terletak di tepi laluan utama menuju ke Plaza Tol Chenor di Lebuh raya Pantai Timur dengan kedudukan yang strategik itu sepatutnya memberi kelebihan kepada peniaga memperoleh pendapatan lebih baik.

Namun masalah bekalan air yang tidak berkesudahan itu membantutkan segala usaha ekonomi penduduk dan mereka seakan tiada tempat hendak mengadu.

Air adalah kemudahan paling asas namun penduduk mendakwa seperti dinafikan.